



## **24 JAM HACKATHON DATA TERBUKA PULAU PINANG 2018** **(24 HOURS PENANG OPEN DATA HACKATHON 2018)**

- i) Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Pelajar bukan warganegara Malaysia yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia juga dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini.
- ii) Penyertaan adalah secara berkumpulan yang tidak melebihi 4 orang setiap pasukan. Penilaian penyertaan akan dibuat berdasarkan kepada cadangan/idea aplikasi yang boleh dibangunkan berdasarkan set data terbuka yang ada di Portal Data Terbuka Negeri Pulau Pinang ([data.penang.gov.my](http://data.penang.gov.my)) dan/atau Portal Data Terbuka Malaysia ([www.data.gov.my](http://www.data.gov.my)). Cadangan/idea yang dinyatakan bukanlah bidang fokus (theme) produk yang akan dipertandingkan. Hanya 20 pasukan terbaik akan dipilih untuk menyertai pertandingan.
- iii) Pendaftaran bermula pada **4 September 2018** secara dalam talian melalui <https://hackathon.penang.gov.my>
- iv) Tarikh tutup pendaftaran adalah pada **24 September 2018** jam 12 malam.
- v) Keputusan pemilihan 20 pasukan yang layak menyertai pertandingan adalah muktamad. Pasukan yang layak akan dimaklumkan melalui e-mel oleh penganjur selewat-lewat **26 September 2018**.
- vi) Penyertaan adalah percuma.
- vii) Kemudahan Internet (*best effort*) akan disediakan oleh penganjur. Peserta digalakkan menggunakan kemudahan internet sendiri.
- viii) Setiap pasukan hendaklah memastikan tahap kesihatan ahli pasukan berada pada tahap yang memuaskan sepanjang tempoh hackathon.
- ix) Setiap ahli pasukan hendaklah hadir untuk sesi taklimat oleh urus setia pada hari pertama dan pembentangan projek kepada Panel Penilai pada hari kedua program Hackathon.

- x) Setiap pasukan juga hendaklah menyediakan laporan ringkas berdasarkan format yang diberikan berkaitan projek/produk yang dihasilkan. Laporan ringkas dan notebook yang mengandungi aplikasi dan bahan persembahan perlu diserahkan kepada pihak penganjur sebaik tempoh tamat hackthon diumumkan.
- xi) Peserta dikehendaki menggunakan perkakasan dan perisian ICT sendiri. Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang insiden, kehilangan, kerosakan dan kerugian yang dialami kerana menyertai hackathon ini.
- xii) Sebarang perubahan syarat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- xiii) Penganjur berhak membatalkan penyertaan jika terdapat pelanggaran syarat.
- xiv) Kerajaan Negeri mempunyai hak eksklusif ke atas semua idea dan produk yang dihasilkan dalam pertandingan ini dan perlu diserahkan kepada pihak penganjur.
- xv) Hadiah pertandingan adalah seperti berikut :
  - Tempat pertama : Wang tunai RM5000.00 berserta trofi
  - Tempat kedua : Wang tunai RM3000.00
  - Tempat ketiga : Wang tunai RM1000.00
- xvi) Keputusan pemenang hackathon adalah muktamad.